

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT BANGUNKAN HAB KITAREcycle, SASAR TINGKAT AKTIVITI KITAR SEMULA DI MELAKA

MELAKA, 17 JANUARI 2023 – SWM Environment Sdn. Bhd (SWM Environment) menyasarkan peningkatan penglibatan penduduk dalam aktiviti kitar semula melalui pelaksanaan Hab KITAREcycle yang pertama di negeri ini.

Fasiliti Hab KITAREcycle tersebut akan merangkumi tiga komponen utama iaitu **Pusat Pandu Lalu KITAREcycle; Pusat Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA)** dan **Kenderaan Bergerak KITAREcycle**.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, penyediaan Hab KITAREcycle yang dijangka siap sepenuhnya menjelang pertengahan tahun ini diharap dapat memberi nilai tambah dalam melestarikan pengurusan sisa melalui amalan kitar semula.

“Ketiga-tiga kemudahan tersebut dilihat mampu menjadi salah satu aspek perangsang kepada ekonomi kitaran dan melanjutkan jangka hayat tapak pelupusan serta mengurangkan kos operasi di tapak pelupusan khususnya di Melaka dalam jangka masa panjang,” katanya.

SWM Environment turut menjalinkan kerjasama strategik bersama pihak Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) yang menyediakan fasiliti Pusat Pandu Lalu KITAREcycle dan Pusat Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran awam (CEPA) di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut.

Bagi Pusat Pandu Lalu KITAREcycle, pembinaannya akan dilaksanakan di Taman Botanical Melaka, Ayer Keroh berikutan kedudukannya yang strategik sebagai salah satu kawasan pelancongan dan riadah yang menjadi tumpuan orang ramai untuk dikunjungi. Menggunakan konsep pandu lalu, fasiliti yang bakal dibina ini akan memudahkan penduduk Melaka untuk menghantar barangan kitar semula mereka di samping berpeluang mengumpul mata ganjaran KITAREcycle.



Manakala, bagi komponen yang kedua iaitu Pusat Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA), SWM Environment akan menggunakan ruang legar di Melaka Mall yang akan dijadikan sebagai satu hab ilmu atau pusat sehenti bagi rujukan informasi mengenai ilmu pengasingan sisa di punca (SAS) dan kitar semula.

Sementara itu, Kenderaan Bergerak KITAREcycle di bawah kendalian pasukan 3R Troopers SWM Environment pula akan menjelajah ke seluruh negeri Melaka bagi mendekati segenap lapisan masyarakat melalui aktiviti kutipan barangan kitar semula, siri taklimat, pameran dan kaunter pendaftaran KITAREcycle.

Menurut Mohd Norlisam, kemudahan Hab KITAREcycle yang tersusun, mudah diakses dan mesra pengguna ini diharapkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk Melaka untuk mengamalkan budaya 3R (guna semula, kurangkan, kitar semula) secara berterusan dan seterusnya menyokong hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah Negeri Lestari.

Satu majlis penyerahan tapak Hab KITAREcycle oleh pihak MPHTJ kepada SWM Environment telah berlangsung hari ini di Tapak Pusat Pandu Lalu KITAREcycle di Taman Botanikal Melaka, Ayer Keroh yang disaksikan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka, Yang Berhormat Datuk Zaidi bin Attan dan turut dihadiri oleh Mohd Norlisam serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan bin Othman.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

SWM ENVIRONMENT HQ:

NORSIDA TASLIM

Pengurus Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

Tel : 019 – 255 0908

E-mel : norsida.taslim@swmsb.com

SWM ENVIRONMENT MELAKA:

NOOR CHE WAH BINTI RAMLI

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com